



---

**ISNIN, 12 SEPTEMBER 2022  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM SAHKAN BANGKAI PESAWAT HELIKOPTER  
DITEMUI DI BIDOR, PERAK**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan bahawa helikopter Eurocopter EC120B, pendaftaran N409HH telah ditemui oleh helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), RESCUE01. Bangkai pesawat dan mangsa ditemui berhampiran Kampung Kenangan, Bidor pada jam 8.18 pagi. *Combat Air Rescue* (CAR), TUDM berada di darat untuk membantu membawa mangsa dari tempat kejadian. RESCUE01 telah membawa mangsa dan mendarat di Padang Sekolah Anderson pada 10.30 pagi sebelum dibawa oleh ambulans ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak. Mangsa walau bagaimanapun tidak sedarkan diri semasa misi menyelamatkan dijalankan.

Penyelarasan mencari dan menyelamatkan (SAR) di *Kuala Lumpur Aeronautical Rescue Coordination Centre* (KLARCC) di Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) tamat sebaik semua unit SAR kembali ke pangkalan dengan selamat. Siasatan berikut akan dijalankan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

CAAM ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa. CAAM juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota pasukan SAR daripada TUDM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan semua organisasi yang terlibat dalam misi SAR ini.

**DATUK KAPTEN CHESTER VOO**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia